

Selangkah ke Alam Batin ngeri..



● MAHAGURU Haji Omar Din memukul dengansekuat hatinya tubuh seorang serikandi dengan kayu semambu sebagai ujian tamat latihan.

Oleh JUIWIE

FILEM dokumentari 'Selangkah Ke Alam Batin' yang memakan masa 110 minit boleh dianggap sebagai warisan seni kebanggaan bangsa Melayu.

Kalau seni mempertahankan diri seperti Judo, Karate dan Kungfu begitu popular menerusi filem, maka kita berharap sangat filem 'Selangkah Ke Alam Batin' akan mengagumkan dunia tentang kehebatan senisilat kita.

Filem tersebut diterbit, ditulis dan diarahkan oleh Chu Chi Wang dibikin dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (untuk pasaran antarabangsa).

Senisilat yang difokuskan ialah Silat Lincak pimpinan Mahaguru Haji Omar Din sebagai pelakon utama yang mengutarakan berbagai aspek ilmu kebatinan menerusi Silat Lincak pimpnannya.

Sungguh mengerikan

Segala demonstrasi ilmu kebatinan silat dalam filem tersebut adalah realiti dan tidak menggunakan kamera 'trick-shot' seperti dalam kebanyakan filem-filem Barat, Cina dan Indonesia.

Seramai 9 jurulatih kanan Senisilat Lincak Malaysia membuat demonstrasi yang serius dan

filem tersebut.

Antara ilmu kebatinan yang mengagumkan kita menyaksikannya ialah: mandi minyak melegak, upacara tamat (dengan ujian memukul tubuh sekuatnya menggunakan bambu), ujian kekebalan, ilmu pasung bumi (di sini Haji Omar Din ditanam hidup-hidup selama 35 minit), ilmu belut (melepaskan diri dari ikatan dalam air), gantung leher (cara kebal melepaskan diri), lompat tinggi terjun ke arah cermin tingkap setinggi 32 kaki dan bermacam lagi yang anih.

- 2 JUL 1982
Hangat

Tidak perlu diceritakan panjang lebar, nanti anda semacam kurang yakin apa yang dituliskan. Lebih baik anda menontonnya sendiri dan barulah anda sedari bahawa silat Melayu lebih mengagumkan dari lain-lain seni mempertahankan diri di dunia.

Filem ini yang menjalani penggambaran lebih dua tahun (karena tergendala) akan ditayangkan selepas Hari Raya Puasa. Adalah dijangkakan, ia akan mendapat sambutan hangat dari berbagai golongan masyarakat dalam dan luar negeri.

Selepas ini, Haji Omar Din merancang untuk bikin filem 'feature' pula.